

07/02/2001

Usaha mengubati luka hati rakyat Malaysia

Kadir Dikoh

LAWATAN tiga hari Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ke Singapura bermula hari ini dilihat sebagai usaha untuk `mengubati luka' hati rakyat Malaysia khususnya bangsa Melayu yang terguris berikutan kenyataan kontroversi Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong, baru-baru ini.

Meskipun lawatan Timbalan Perdana Menteri itu sudah diatur terlebih awal sebelum Goh menimbulkan kemarahan pemimpin dan rakyat negara ini melalui kenyataannya 21 Januari lalu, ia pasti menarik perhatian sama ada di Malaysia atau di negara jiran itu.

Sekurang-kurangnya media Malaysia atau Singapura pasti memberi perhatian khusus terhadap lawatan Abdullah yang sememangnya atas jemputan Perdana Menteri republik itu.

Memang mudah melukai hati seseorang sama ada secara sengaja atau tidak, tetapi untuk mengubatnya bukan sesuatu yang mudah. Jika tidak kena gayanya, hati yang sudah luka akan bertambah luka.

Mungkin Goh akan mengambil kesempatan untuk menjelaskan kepada Abdullah, mengapa beliau mengeluarkan kenyataan itu apabila kedua-duanya mengadakan pertemuan sempena lawatan itu nanti.

Pertemuan itu akan berlangsung pada jam 6 petang ini di Istana Singapura, diikuti jamuan malam yang diberikan oleh Goh di tempat sama. Keesokannya iaitu pagi Khamis, Goh dan Abdullah akan berada di Kelab Golf Tanjung Corse, Sentosa.

Berdasarkan perkembangan semasa serta kenyataan susulan dari republik itu, sejak isu Melayu Singapura-Malaysia dicetuskan, tidak mungkin Kerajaan Singapura atau Goh memohon maaf. Setakat ini, Goh dan menteri Kabinetnya mempertahankan kenyataan itu dengan diselitkan penjelasan bahawa ia tidak bermakna untuk memperkecilkan bangsa Melayu Malaysia.

Satu-satunya menteri keturunan Melayu dalam Kabinet Goh iaitu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Sukan, Abdullah Tarmugi, terpaksa bergegas ke Kuala Lumpur 29 Januari lalu untuk lawatan singkat, dipercayai bagi meredakan ketegangan.

Namun, agak pelik apabila Abdullah pada satu sidang akhbar di ibu negara berkata, kenyataan Perdana Menteri itu ditujukan untuk rakyat republik berkenaan semata-mata. Apakah perlu kita memekik dalam rumah sendiri kerana marahkan anak, sedangkan ia boleh mengganggu jiran sebelah? Apatah lagi kalau pekikan itu berbentuk sindiran kepada jiran?

Apakah Goh mahu memastikan sokongan masyarakat Melayu Singapura terhadap parti pemerintah, PAP, bagi menghadapi pilihan raya umum republik itu tidak lama lagi?

Tidak silap bagi Perdana Menteri Singapura itu mengeluarkan perangkaan mengenai tahap kemajuan orang Melayu Singapura. Malah, bangsa Melayu Malaysia tidak akan marah jika Goh menafikan sekeras-kerasnya bahawa Melayu Singapura dipinggirkan.

Tetapi, apabila Goh mula membandingkan orang Melayu Singapura lebih maju daripada Melayu Malaysia, maka ia sudah mengguris hati rakyat negara ini. Keadaan itu lebih parah apabila kenyataan seumpamanya dikeluarkan ketika persoalan mengenai perpecahan bangsa Melayu di negara ini sedang hangat diperkatakan dan ketika Umno dan Pas sedang berusaha mengadakan pertemuan perpaduan Melayu.

Ucapan Goh di hadapan lebih 600 pemimpin Melayu pada majlis jamuan teh sempena 10 tahun beliau menjadi Perdana Menteri pada 21 Januari lalu, dibuat untuk menafikan laporan media Malaysia bahawa Melayu Singapura

terpinggir, berdasarkan buku karya rakyat Singapura, Lily Zubaidah Rahim.

"Kami mahu menjelaskan bahawa kenyataan itu dibuat bagi orang Melayu di sana yang mana Kerajaan Singapura tidak pernah meminggirkan masyarakat Melayu di sana. Tidak pernah sama sekali kenyataan itu dibuat bagi merendahkan-merendahkan kebolehan sesiapa saja," kata Abdullah Tarmugi.

Dalam bukunya, Lily yang kini seorang pensyarah di Jabatan Sejarah Ekonomi, Universiti Sydney, Australia memberikan analisis beliau mengenai peminggiran orang Melayu Singapura yang disebabkan oleh dasar kerajaan republik itu.

Buku bertajuk *The Singapore Dilemma: The Political and Educational Marginality of the Malay Community* itu diterbitkan pada 1998 oleh Oxford University Press dan ulasan mengenainya disiarkan di sebuah akhbar tempatan 13 Disember lalu.

Dalam lawatan tiga hari Timbalan Perdana Menteri ke Singapura, sudah pasti isu ini menjadi buruan media sama ada media Singapura atau Malaysia.

Abdullah mempunyai jadual lawatan yang ketat. Beliau akan turut menemui Timbalan Perdana Menteri, Lee Hsien Loong, dalam jamuan tengah hari pada hari kedua lawatan sebelum menemui seorang lagi Timbalan Perdana Menteri, Tony Tan, yang juga Menteri Pertahanan.

Pada jam 7 petang hari yang sama, Abdullah akan menemui Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, di Istana sebelum jamuan yang dihoskan oleh anaknya, Lee di sebuah hotel.

Pada Jumaat, Abdullah dijangka menyampaikan ucapan di satu persidangan mengenai demokrasi di Asia Tenggara.

Isnin lalu, Abdullah ketika ditanya pemberita mengenai lawatannya itu bagaimanapun berkata, ia cuma lawatan biasa tanpa sebarang misi khas.

"Terpulang kepada media untuk membuat tanggapan," katanya apabila ditanya mengenai ramai tokoh penting turut mengiringi lawatannya termasuk Menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Antaranya ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting selain Menteri Besar/Ketua Menteri Johor, Pahang, Melaka, Sarawak dan Sabah.

Mungkin lawatan itu yang bertujuan mengeratkan hubungan dua hala, meningkatkan semangat kejiwaan di samping bersuai kenal dengan lapisan pemimpin muda negara, akan dapat menangani isu-isu semasa antara dua negara.

Namun, perihal hubungan Malaysia-Singapura ibarat api dalam sekam. Isu terbaru mengenai perbandingan Melayu Singapura dan Malaysia, bagaikan terus menyala obor kemarahan yang perlu ditangani dengan bijak.

Sebenarnya, Kerajaan Singapura menjalankan dasar meritokrasi, berbeza dengan dasar di Malaysia yang memberikan kedudukan istimewa kepada masyarakat Melayu dan Bumiputera. Tidak dinafikan sejak merdeka, bangsa Melayu Malaysia sudah mencapai kemajuan yang membanggakan dalam pelbagai bidang, sekalipun tahap kemajuan itu belum setanding dengan kaum lain.

Memang benar orang Melayu Singapura, sejak merdeka lagi, sudah mencapai kemajuan, tetapi untuk membandingkan bahawa Melayu Singapura lebih maju daripada Melayu Malaysia adalah satu pendapat yang tidak mencerminkan keadaan sebenar.

Malah, Melayu Malaysia memegang tampuk pemerintahan dan oleh itu mampu menentukan nasib sendiri. Sebaliknya, Melayu Singapura adalah minoriti dan terpaksa berpaut atau bergantung kepada belas kasihan orang lain.

Hakikatnya, aspirasi orang Melayu Singapura adalah sama dengan aspirasi Melayu Malaysia.

"Apabila melihat Malaysia, mereka (orang Melayu Singapura) juga mahu menjadi seperti Malaysia. Kita mahu jutawan Melayu Singapura, pegawai tertinggi, kalau boleh menjadi Perdana Menteri Melayu, ada jeneral, hakim

mahkamah tinggi dan sebagainya. Cuba bayangkan, hakim mahkamah tinggi seorang pun tiada," kata Setiausaha Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PKMS), Mohd Rahizan Yaacob, dalam pertemuan dengan Berita Minggu, baru-baru ini.

Walau apapun yang diungkapkan oleh pemimpin Singapura, hakikat orang Melayu republik itu sebagai kelompok minoriti yang mengalami proses peminggiran yang berterusan, tidak dapat disembunyikan.

Jika diimbangi kembali, hubungan Malaysia-Singapura memang kerap `terganggu' oleh isu-isu semasa.

Antaranya, kurangnya kemajuan dalam hubungan dua hala terutama berkaitan soal penjualan air ke republik itu, penempatan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin, kedudukan tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Tanjung Pagar, kegunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan masalah rakyat Malaysia dari Semenanjung yang tidak dibenarkan mengeluarkan simpanan mereka daripada Tabung Pusat Simpanan Pekerja (CPF) setelah berhenti kerja di Singapura.

Sebahagian daripada isu itu dimasukkan dalam pakej penyelesaian yang dipersetujui ketika Sidang Kemuncak Asean di Hanoi pada 1998. Bagaimanapun ia tidak dapat dileraikan oleh mesyuarat peringkat pegawai dan menteri yang akhirnya menyerahkan kepada budi bicara pemimpin tertinggi kedua-dua negara.

Pakej itu antara lain membabitkan isu pemeriksaan kastam dan imigresen di Tanjung Pagar dan CPF membabitkan pekerja Malaysia di Singapura, untuk ditukar dengan penyelesaian masalah perjanjian bekalan air ke republik itu yang akan tamat pada 2061 dan penggunaan ruang udara bagi pesawat tentera udara negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, November lalu antara lain menyatakan semua pakej penyelesaian yang pernah menggugat hubungan baik Malaysia-Singapura ditangguhkan sehingga Malaysia mendapat maklum balas Kerajaan Johor.

(END)